Jenayah pecah rumah yang terkandung dalam kategori jenayah harta benda adalah dipercayai merupakan salah satu daripada jenis jenayah yang mendatangkan rasa bimbang yang tinggi. Berdasarkan laporan *International Crime Victims Survey* (ICVS) pada tahun 1989 hingga 2000, pemangsaan jenayah di kawasan kediaman adalah didapati mempunyai rasa kebimbangan yang lebih tinggi berbanding dengan

pemangsaan jenayah serangan fizikal (Tseloni & Zarafonitou, 2008). Perbezaan rasa kebimbangan ini adalah dipercayai mempunyai kaitan dengan kekerapan perlakuan jenayah di kawasan kediaman.

Sementara itu, di negara Malaysia jenayah pecah rumah adalah didapati lebih tinggi mempengaruhi bentuk aliran jenayah harta benda (PDRM, 2008). Perkara ini adalah berdasarkan laporan jenayah indeks untuk tempoh 24 tahun (1980 hingga 2004). Berdasarkan laporan tersebut, didapati bahawa setiap tahun sebanyak 90 peratus jenayah yang melibatkan harta benda telah dilaporkan (Amar Singh Sidhu, 2006). Malahan kadar jenayah pecah rumah dari tahun 2005 hingga 2007 pula, didapati telah meningkat sebanyak 2.1 peratus (PDRM, 2008). Perkara ini dipercayai mempunyai kaitan dengan sasaran utama penjenayah terhadap sasaran jenayah, iaitu di kawasan perumahan.

Manakala berdasarkan laporan perbandingan indeks jenayah pecah rumah dunia, yang berdasarkan pada perkiraan 100,000 penduduk bagi negara-negara terpilih pada tahun 2007, Malaysia adalah merupakan negara kedua tertinggi selepas negara Jepun (137.5 kes) yang mempunyai kadar indeks pecah rumah yang tinggi, iaitu 123.02 kes jenayah daripada 100,000 penduduk. Ternyata kadar indeks ini agak tinggi berbanding dengan empat buah negara yang lain, iaitu China 65.1 kes, Indonesia 27.19 kes, Armenia 25.22 kes dan Singapura 18.9 kes (PDRM, 2009) (Lampiran 04).

Peningkatan kadar jenayah ini telah menimbulkan rasa kebimbangan daripada pelbagai pihak sama ada dari pihak kerajaan dan juga bukan kerajaan. Kebimbangan ini telah dinyatakan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Seri Musa Dato' Hj Hassan

dalam forum ke-lima '*Crime and Policing in Malaysia*'. Menurut Ketua Polis Negara, perasaan kebimbangan terhadap jenayah dalam kalangan orang awam berada pada tahap yang tinggi yang menyebabkan kualiti kehidupan penduduk merosot (YDH Tan Sri Dato' Seri Musa, 2008). Isu kebimbangan terhadap jenayah ini telah dinyatakan semula sebagai isu utama di Malaysia berbanding dengan masalah jenayah itu sendiri oleh YDH CP Datuk Seri Mohd Bakri, Pengarah Operasi Penyiasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia dalam forum yang keenam '*Crime and Policing in Malaysia*' (CP Datuk Seri Mohd Bakri, 2010). Beliau menyatakan bahawa untuk tempoh dua tahun, iaitu dari tahun 2008 hingga 2009 didapati jenayah pecah rumah telah meningkat. Untuk jenayah pecah rumah malam hari, didapati sebanyak 590 kes telah meningkat, manakala untuk jenayah pecah rumah siang hari sebanyak 2278 kes telah meningkat. Perkara ini menunjukkan bahawa penjenayah semakin berani untuk melakukan jenayah pecah rumah walaupun pada waktu siang. Oleh itu, tindakan pencegahan perlu dilakukan untuk memastikan perlakuan jenayah dapat dibendung.

Kebimbangan terhadap jenayah dianggap sebagai satu tindak balas emosi, perasaan ketakutan dan kegelisahan yang menyebabkan individu merasakan bahawa dirinya berada dalam keadaan bahaya daripada ancaman jenayah (Lee, 2001; Pain, 2000; Stephen Farrall, Emily Gray, & Jackson, 2007). Kebimbangan terhadap jenayah ini pula sering dihubungkan dengan beberapa faktor, seperti persekitaran, perasaan ingin rasa selamat dan hubungan komuniti masyarakat setempat. Kebimbangan terhadap persekitaran dibahagikan kepada tiga aspek, iaitu persekitaran fizikal, persekitaran sosial, dan pemangsaan secara tidak langsung (*indirect victimization*).

Kebimbangan terhadap jenayah dari aspek persekitaran fizikal adalah merujuk pada deteriorasi persekitaran yang boleh mengakibatkan ruang-ruang persembunyian kepada penjenayah, seperti pencahayaan yang malap, longgokan sampah, contengan di tembok-tembok, bangunan kosong atau terbengkalai, vandalisma dan semak-samun (LaGrange, Ferraro, & Supancic, 1992; Minnery & Lim, 2005; Nasar & Fisher, 1993; Perkins, Weeks, & Taylor, 1992). Kajian di kawasan perumahan Baltimore membuktikan bahawa terdapat kaitan antara deteriorasi fizikal dengan perlakuan jenayah (Perkins, Weeks, & Taylor, 1992).

Kebimbangan terhadap jenayah dari aspek persekitaran sosial pula adalah merujuk pada deteriorasi persekitaran sosial. Deteriorasi ini adalah melibatkan sebarang gangguan perlakuan atau aktiviti sosial yang boleh mengundang kepada perlakuan jenayah, seperti perlakuan yang memabukkan di kawasan awam, pelacuran, penjualan dan pembelian dadah, melepak dan sebarang perlakuan yang tidak senonoh (Joseph, 1997; Nasar & Fisher, 1993; Perkins, Weeks & Taylor, 1992; Renauer, 2007; Welsh & Hoshi, 2002). Beberapa kajian telah membuktikan bahawa perhubungan antara kewujudan deteriorasi sosial di kawasan kejiranan memberi kesan terhadap peningkatan rasa kebimbangan terhadap jenayah (Cozens et al., 2005; LaGrange, Ferraro & Supancic, 1992).

Manakala definisi pemangsaan secara tidak langsung dapat dinyatakan sebagai seseorang yang berasa terancam terhadap jenayah yang hanya disebabkan mendengar berita ataupun pengalaman orang lain yang pernah menjadi mangsa jenayah (Nasar & Fisher, 1993). Jenis pemangsaan ini dipercayai memberi rasa kebimbangan yang lebih tinggi berbanding dengan pemangsaan yang sebenar (Farrall & Gadd, 2004; Skogan &

Maxfield, 1981). Beberapa kajian memberikan keputusan yang konsisten terhadap seseorang yang terlibat dengan pemangsaan jenayah mempunyai hubungan yang kuat dengan rasa kebimbangan terhadap jenayah (British Crime Survey, 2008; Lewis & Salem, 1980; Stephen, Emily, & Jonathan, 2007; Vogel & Torres, 1998). Menurut Jeffery (1976), kebimbangan terhadap jenayah adalah disebabkan oleh sistem psiko-biologi manusia yang menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku ke atas situasi semasa akibat pengalaman yang lepas. Merujuk pada kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi yang ke-empat (<http://prpm.dbp.gov.my>), 'psiko' adalah merupakan penderitaan akibat tekanan perasaan atau jiwa. Manakala 'biologi' adalah merupakan sains yang berkaitan dengan struktur, fungsi, perkembangan dan proses hidup pada benda hidup. Maka, maksud psiko-biologi ini dapat dinyatakan sebagai satu tekanan atau gangguan dalam hidup akibat pengalaman yang dialami oleh seseorang dalam proses kehidupan.

Selain itu, kebimbangan terhadap jenayah juga dihubungkan dengan perasaan rasa tidak selamat untuk tinggal di kawasan kediaman. Seseorang itu dipercayai kurang berasa selamat apabila tinggal berseorangan di dalam rumah ataupun berjalan berseorangan di kawasan perumahan apabila waktu malam kerana kebimbangan terhadap sebarang ancaman jenayah. Perkara ini dikaitkan dengan keadaan yang gelap memberikan tanggapan bahawa sebarang perlakuan jenayah boleh berlaku. Keputusan kajian Tseloni dan Zarafonitou (2008), mendapati bahawa sebanyak 76.8 peratus penduduk bandar di Greater Athens berasa tidak selamat apabila berjalan berseorangan di waktu malam kerana bimbang dengan ancaman jenayah.

Sementara itu, hubungan komuniti masyarakat setempat juga mempunyai perhubungan dengan perasaan kebimbangan terhadap jenayah. Hubungan komuniti diertikan sebagai perasaan kepunyaan dalam kumpulan yang merasakan dirinya dimiliki, berkongsi keperluan dan memerlukan komitmen antara satu sama lain (McMillan & George, 1986). Hubungan komuniti dianggap sebagai perkara dasar yang penting dalam mencegah jenayah (Brantingham & Brantingham, 2005). Brantingham dan Brantingham (2005), menegaskan bahawa hubungan komuniti adalah merupakan tindakan pencegahan jenayah yang secara langsung terhadap persekitaran fizikal, sosio-psikologi dan ekonomi kerana aspek ini mempunyai kelangsungan terhadap jenayah dan kebimbangannya. Kajian oleh Ferguson dan Mindel (2007), yang mendapati bahawa kepuasan penduduk ke atas organisasi sosial seperti penyertaan komuniti dalam '*neighborhood watch*' dan mesyuarat komuniti memberikan tanggapan rasa selamat untuk tinggal di kawasan kediaman daripada ancaman jenayah.

Berdasarkan laporan '*British Crime Survey*' (BCS), kadar kebimbangan terhadap jenayah di England dan Wales didapati lebih tinggi (12 peratus) berbanding dengan kadar jenayah sebenar (2.7 peratus) (Team, 2005). Masalah kebimbangan ini boleh menjejaskan kualiti kehidupan penduduk di kawasan kediaman mereka. Penjejasan kualiti hidup ini ada dinyatakan dalam laporan Kualiti Hidup Malaysia 2004 ataupun *Malaysian Quality of Life Index* (MQLI). Berdasarkan laporan tersebut, kualiti kehidupan penduduk bandar di Malaysia mengalami kemerosotan yang diakibatkan oleh kenaikan kadar jenayah dan kemalangan di jalan raya yang terkandung dalam aspek keselamatan (UPE, 2004).

Justeru, masalah jenayah yang mengganggu kualiti kehidupan penduduk telah menarik perhatian kerajaan dan badan bukan kerajaan Malaysia. Perkara ini ditunjukkan melalui saranan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak berdasarkan wawasan pentadbirannya iaitu “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’. Datuk Sri telah memberi penekanan yang serius dalam menangani permasalahan mengurangkan kadar jenayah dengan membuat enam sasaran dalam Bidang Hasil Utama Nasional (NKRA), iaitu; (a) mengurangkan jenayah, (b) membanteras rasuah, (c) meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan mampu dicapai, (d) meningkatkan taraf hidup rakyat, (e) meningkatkan prasarana luar bandar, dan (f) meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam (YAB Dato' Sri Mohd Najib, 2009).

Berdasarkan keenam-enam Bidang Hasil Utama Nasional (NKRA), keutamaan diberikan terhadap pengurangan jenayah yang diletakkan pada tempat pertama dalam bidang NKRA di bawah Kementerian Dalam Negeri yang diterajui oleh Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussien Onn. Dalam Bajet Tahun 2010, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 1 bilion ringgit untuk meningkatkan perkhidmatan Polis di-Raja Malaysia bagi memastikan kadar jenayah berkurangan dan meningkatkan rasa selamat dalam kalangan orang awam (YAB Dato' Sri Mohd Najib, 2009). Bajet tersebut digunakan untuk beberapa langkah, iaitu; (a) meningkatkan kehadiran anggota polis untuk meningkatkan keyakinan dan rasa selamat di kalangan orang awam di mana balai polis bergerak disediakan di 50 titik panas (*hot spot*) yang telah dikenal pasti di kawasan yang berisiko tinggi berlakunya jenayah, (b) melatih dan meningkatkan kecekapan 3 ribu anggota Ikatan Relawan Rakyat atau RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPA) untuk turut melakukan rondaan bersama polis dan, (c) meningkatkan

kempen pencegahan jenayah dan melaksanakan program integrasi polis dalam komuniti dan masyarakat.

Sementara itu, dalam Bajet Tahun 2011, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 350 juta untuk melaksanakan pelbagai program membanteras jenayah dalam usaha mewujudkan persekitaran yang selamat di negara ini (YAB Dato' Sri Mohd Najib, 2010). Beberapa program yang dilaksanakan adalah seperti program membanteras jenayah pecah rumah, kecurian motosikal dan kereta serta menjalankan program Bandar Selamat dan program Skim Rondaan Sukarela, terutama di kawasan yang berisiko tinggi berlakunya jenayah.

Perkara ini menunjukkan bahawa keseriusan pihak kerajaan terhadap isu pencegahan jenayah. Rentetan daripada perkara ini, Unit Program Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menjalankan seminar '*Crime Prevention Through Environmental Design*' (CPTED) bagi melaksanakan NKRA yang pertama, iaitu mengurangkan kadar jenayah (JPBD, 2010b). Menurut Siow Suan Neo, ketua Unit Khas NKRA Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Malaysia menyatakan bahawa dalam pelaksanaan konsep CPTED, beberapa garis panduan pembangunan sedia ada adalah memerlukan kreativiti dan inovasi untuk melaksanakan CPTED, terutamanya dalam skop mekanisme kelulusan perancangan yang terdapat dalam prosedur-prosedur kebenaran merancang yang terdapat dalam Akta 172 dan pelaksanaan perancangan yang melalui perhentian pusat atau '*One-Stop Centre*' (OSC) serta sijil penyiapan dan pematuhan atau '*certificate of completion and compliance*' (CCC) (JPBD, 2010b). Siow Suan Neo menegaskan lagi bahawa konsep CPTED dapat memberikan faedah pada pembangunan persekitaran dalam jangka masa yang panjang

seperti dapat mengurangkan kos yang tinggi dalam pembaikan semula pembangunan persekitaran bagi mengelakkan ancaman jenayah. Selain itu, konsep CPTED dilihat dapat memberi manfaat kepada komuniti, ekonomi dan sosial (JPBD, 2010b). Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan bahawa konsep '*Crime Prevention Through Environmental Design*' atau Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran dipilih sebagai salah satu inisiatif kerajaan Malaysia dalam mengurangkan kadar jenayah dan kebimbangan terhadap jenayah di kalangan orang awam.

Perkara yang sama juga diambil tindakan oleh badan bukan kerajaan, iaitu Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia ataupun *Malaysian Crime Prevention Foundation* (MCPF). Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, iaitu Tan Sri Lee Lam Thye menyatakan bahawa pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran merupakan salah satu inisiatif mencegah perlakuan jenayah yang boleh diaplikasikan dalam kerajaan Malaysia (MCPF, 2004). Tan Sri Lee Lam Thye menggalakkan pihak yang terlibat dalam bidang pembangunan seperti arkitek, perancang bandar, arkitek landskap, pemaju dan kontraktor mengambil pendekatan reka bentuk persekitaran dalam mencegah jenayah (MCPF, 2004). Beliau berpendapat bahawa kawasan perumahan merupakan salah satu tempat sasaran utama penjenayah untuk melakukan aktivitinya. Oleh itu, peningkatan pencegahan jenayah menerusi bidang pembangunan dilihat mempunyai potensi untuk membantu mengurangkan kadar jenayah (MCPF, 2004). Hal ini adalah berdasarkan pengalaman di negara barat yang menggunakan pendekatan reka bentuk persekitaran dan didapati menunjukkan keberkesanan dalam mengurangkan kadar jenayah. Kaedah pendekatan pencegahan melalui rekabentuk persekitaran merupakan inisiatif yang telah diambil di beberapa

buah negara seperti di United Kingdom, USA, Kanada, The Netherlands dan Australia (Liebermann & Kruger, 2004).

Pencegahan jenayah adalah merupakan aktiviti-aktiviti sama ada dilakukan oleh individu, kumpulan, institusi atau kerajaan yang bertujuan untuk mencegah jenayah, kebimbangan terhadap jenayah dan masalah-masalah gangguan yang boleh mendorong kepada perlakuan jenayah (Clontz, 1995). Pencegahan jenayah dapat dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu: (a) sistem perundangan atau penguatkuasaan kawalan sistem kepolisan (Dantzker & Robinson, 2002); (b) pendekatan sosial (Bennet, Holloway & Farrington, 2006; Simons, 2002; Syarmila, 2008; Welsh & Hoshi, 2002); (c) pendekatan pada pelaku jenayah (Cozens et al., 2005), dan; (d) pendekatan melalui reka bentuk persekitaran (Brantingham & Brantingham, 2005; Blakely & Synder, 1997; Jacobs, 1961; Jeffery, 1976; Newman 1972; Wilson & Kelling, 1982).

Setiap kaedah pencegahan jenayah mempunyai cara yang berbeza dalam mengubah perlakuan seseorang untuk melakukan jenayah. Di antara empat kaedah pencegahan jenayah ini, iaitu sistem perundangan atau penguatkuasaan kawalan sistem kepolisan, pendekatan sosial, pendekatan pada pelaku jenayah dan pendekatan melalui reka bentuk persekitaran didapati bahawa pendekatan melalui reka bentuk persekitaran dianggap memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi perasaan kebimbangan terhadap jenayah (Nasar & Fisher, 1993). Hal ini kerana, pencegahan melalui reka bentuk persekitaran melibatkan elemen-elemen tetap yang boleh diubahsuai melalui perancangan dan reka bentuk. Beberapa kajian mendapati bahawa persekitaran fizikal boleh membuka peluang terhadap perlakuan jenayah (Anastasia & John, 2007; Taylor & Harrel, 1996). Menurut Lamya Rostami Tabrizi dan Ali

Madanipour (2006), susun atur fizikal, jenis perumahan dan rupa bentuk kawasan persekitaran merupakan kriteria utama yang menjadi tumpuan perlakuan jenayah.

Kaedah pencegahan melalui persekitaran merupakan satu konsep Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP) ataupun dikenali sebagai *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED). Konsep pencegahan ini merupakan proses memastikan pencegahan jenayah melalui peringkat awalan perancangan di dalam percubaan menghapuskan peluang-peluang perlakuan jenayah (Crowe & Zahm, 1994). PJMRP didapati merupakan kaedah yang komprehensif dan bersifat ekologi iaitu mengambilkira hubungan antara manusia dengan persekitaran dalam mengurangkan peluang-peluang melakukan jenayah (Cozens, David & Gwyn, 2001). Konsep pencegahan ini menggunakan tiga elemen utama, iaitu; (a) kawalan masuk, (b) pengawasan semulajadi, dan (c) teritorialiti (Crowe & Zahm, 1994) dan dua elemen sokongan iaitu; (a) aktiviti sokongan, dan (b) penyelenggaraan (Jensen & Anderson, 2004).

1.2 Permasalahan Kajian

Jenayah bukan sahaja memberi kesan kebimbangan kepada individu, malahan ia juga memberi kesan rasa kebimbangan kepada penduduk dan masyarakat dalam kawasan kejiranan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan dalam negara Malaysia dalam mengatasi masalah jenayah. Usaha yang paling nyata adalah dengan memberi penumpuan pada tenaga kerja anggota polis untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara daripada ancaman jenayah. Walau bagaimanapun, berdasarkan kadar ratio antara anggota polis dengan jumlah penduduk di Malaysia, didapati bahawa 3 anggota polis adalah bersamaan dengan 1000 penduduk

(3:1000) (Country Advice Malaysia, 2010) atau ia dapat dinyatakan bahawa 1 anggota polis adalah bersamaan dengan 333 orang penduduk (1:333). Namun, berdasarkan pada *International Criminal Police Organization* (INTERPOL), nilai ratio yang paling minimum seharusnya adalah 1 anggota polis bersamaan dengan 250 penduduk (1:250) kerana jumlah penduduk yang melebihi 250,000 ke atas haruslah menggunakan kadar ratio 1:250 (Research Center Directorate Perspectives, 2003). Maka, negara Malaysia seharusnya menggunakan kadar ratio tersebut kerana Malaysia telah mencapai bilangan 27,565,821 jumlah penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Perkara ini dapat dinyatakan bahawa anggota polis di Malaysia adalah tidak mencukupi untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan negara terutamanya dalam mengurangkan kadar jenayah. Oleh itu, dalam usaha untuk menghapuskan dan mengurangkan perlakuan jenayah dengan menggunakan bantuan pihak polis semata-mata adalah sukar untuk dicapai. Justeru itu, antara salah satu kaedah yang dipercayai dapat mengurangkan perlakuan jenayah adalah menggunakan konsep Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP). Konsep ini telah diaplikasikan di United States dan Great Britian sejak tahun 1960-an lagi, dan konsep pencegahan ini didapati mempunyai signifikan dalam mengurangkan perlakuan jenayah (Kitchen, 2010). Beberapa kajian secara empirikal juga mendapati bahawa konsep PJMRP dapat mengurangkan perlakuan jenayah di kawasan kejiranan (Casteel & Peek-Asa, 2000; Minnery & Lim, 2005; Mohammad Abdul Mohit & Elsawahli, 2010).

Sementara itu, dalam kajian Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP) atau dikenali juga sebagai '*Crime Prevention Through Environmental Design*' (CPTED), setiap elemen PJMRP adalah mempunyai

pengukuran yang berbeza-beza. Kebanyakan penyelidik hanya mengukur salah satu daripada elemen PJMRP dalam perhubungannya dengan perlakuan jenayah, seperti; (a) elemen kawalan masuk (Brantingham & Brantingham, 1993; Shu, 2009; Shu, 1999), (b) elemen pengawasan semula jadi (Crowe & Zahm, 1994; Jacobs, 1961; Nes & Rueb, 2009; Perkins, Wandersman, Rich & Taylor, 1993), (c) elemen teritorialiti (Aldrin, 1999; Newman, 1972; Newman, 1996; Perkins, Florin, Rich, Wandersman & Chavis, 1990; Perkins et al., 1993; Taylor, Gottfredson & Brower, 1984), (d) elemen penyelenggaraan (Liebermann & Kruger, 2004; Newman, 1972), dan (e) aktiviti sokongan (Jensen & Anderson, 2004).

Pengukuran konsep Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP), dengan menggabungkan kesemua elemen PJMRP, iaitu kawalan masuk, pengawasan semula jadi, teritorialiti, penyelenggaraan, dan aktiviti sokongan masih lagi terhad terutamanya dalam konteks negara Malaysia. Antara penyelidik yang dikenalpasti membuat ukuran dengan menggabungkan beberapa elemen PJMRP adalah Clontz (1995) yang menjalankan kajian di kawasan perumahan Myers Tallahassee, Florida yang melibatkan tiga jenis kawasan kediaman, iaitu rumah sesebuah (*single-family*), berkembar (*duplex*) dan teres (*multifamily*) serta bangunan komersial. Sementara Minnery dan Lim (2005) pula, menjalankan kajian di dua buah kawasan perumahan kos rendah dan sederhana di Gold Coast, Australia. Manakala Hedayati (2009) menjalankan kajian dengan menggabungkan elemen-elemen PJMRP di sebuah kawasan perumahan bagi tiga jenis kediaman yang berbeza iaitu rumah teres, sesebuah dan berkembar di Pulau Pinang, Malaysia. Mohammad Abdul Mohit dan Elsayahli (2010) pula menjalankan kajian dengan menggunakan elemen-elemen PJMRP, seperti

pengawasan semulajadi, kawalan masuk dan penyelenggaraan di kawasan kediaman rumah teres di Taman Melati, Kuala Lumpur Malaysia.

Kajian oleh Clontz (1995), Hedayati (2009) Minnery dan Lim (2005) serta Mohammad Abdul Mohit dan Elsayahli (2010) hanya mengadaptasi kaedah pemerhatian untuk mengumpul data kajian dengan menggunakan borang pemerhatian tentang kewujudan elemen-elemen Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP). Maka kajian tersebut didapati mempunyai kekurangan dalam pengukuran perlakuan dan sikap responden terhadap elemen-elemen PJMRP. Perkara ini penting untuk diambil kira kerana sikap, kepercayaan dan pengamatan responden terhadap elemen-elemen PJMRP dipercayai akan menentukan tindakan atau amalan responden dalam mencegah jenayah.

Selain itu, kajian-kajian lebih mengutamakan perbezaan jenis dan kriteria kediaman dalam skop pemilihan kawasan kajian (Clontz, 1995; Hedayati, 2009; Minnery & Lim, 2005; Mohammad Abdul Mohit & Elsayahli, 2010). Kajian oleh Clontz (1995), Hedayati (2009), Minnery dan Lim (2005) serta Mohammad Abdul Mohit dan Elsayahli (2010) juga tidak mengambil kira elemen-elemen fizikal seperti pagar yang merupakan salah satu elemen kawalan masuk dalam konsep Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP). Menurut Blakely dan Synder, (1997) serta Suk (2006), elemen pagar adalah merupakan salah satu elemen yang diambil kira oleh penduduk dalam memberikan tanggapan rasa selamat daripada ancaman jenayah. Tanggapan tersebut dipercayai mempunyai kaitan dengan elemen pagar dalam mengurangkan perlakuan jenayah di kawasan kediaman (Langdon, 1999). Perkara ini dijelaskan lagi oleh Newman (1996) bahawa pemasangan elemen

pagaran dapat membentuk ruang teritori yang mana ruang tersebut dipercayai dapat menghindarkan perlakuan jenayah. Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan bahawa elemen pagaran mempunyai hubungan dengan perasaan ingin rasa selamat dan kebimbangan terhadap jenayah (Lars, 1997; Serife, 2007). Justeru, adalah menjadi satu keperluan untuk mengenal pasti konsep Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP) di kawasan kediaman yang mempunyai elemen pagaran dan kediaman yang tidak mempunyai elemen pagaran ke atas perasaan ingin rasa selamat dan kebimbangan terhadap jenayah.

Dalam aspek perhubungan antara variabel-variabel kajian pula, Clontz (1995), Hedayati (2009), Minnery dan Lim (2005) serta Mohammad Abdul Mohit dan Elsayahli (2010) tidak cuba untuk menghubungkan secara serentak elemen-elemen PJMRP dengan variabel-variabel kajian seperti perasaan ingin rasa selamat, hubungan komuniti dan kebimbangan terhadap jenayah di dalam satu model. Hanya beberapa kajian yang menghubungkan antara salah satu elemen PJMRP dengan kebimbangan terhadap jenayah dan rasa selamat dalam satu model. Antaranya kajian Ferguson dan Mindel (2007) di kawasan kejiranan Dallas USA, yang menghubungkan antara elemen penyelenggaraan dengan pemangsaan, kebimbangan terhadap jenayah dengan hubungan sosial di kawasan kejiranan Dallas. Manakala kajian Kajalo dan Lindblom (2010) menghubungkan antara salah satu elemen-elemen PJMRP iaitu elemen pengawasan dengan perasaan ingin rasa selamat di kawasan pusat membeli belah di Finland.

Selain itu kajian yang meneliti secara empirikal pengaruh PJMRP terhadap aspek perasaan ingin rasa selamat, hubungan komuniti dan kebimbangan terhadap

jenayah juga masih kurang diteliti. Sehingga kini banyak penyelidikan hanya mengkaji perhubungan variabel secara serentak antara kebimbangan terhadap jenayah dengan perasaan ingin rasa selamat (Ferguson & Mindel, 2007), persekitaran fizikal dengan perasaan ingin rasa selamat (Austin, Furr, & Spine, 2002), dan elemen pengawasan dengan perasaan ingin rasa selamat (Kajalo & Lindblom, 2010). Hal ini telah menimbulkan persoalan tentang perbezaan persepsi dan amalan penduduk terhadap elemen-elemen PJMRP dengan hubungan komuniti, dan perasaan ingin rasa selamat di kawasan kediaman.

Sementara itu, dalam aspek elemen pagaran di kawasan kediaman pula, jenis kediaman tanpa elemen pagaran di Malaysia adalah merupakan konsep pembangunan yang baru (Putrajaya, 2009; Roslan Talib, 2011). Reka bentuk pembangunan kawasan kediaman yang tipikal di Malaysia adalah melibatkan pemasangan elemen pagaran di setiap lot rumah individu. Konsep kediaman tanpa elemen pagaran sememangnya memberikan rupa bentuk yang menarik, dipercayai dapat meningkatkan hubungan komuniti (Putrajaya, 2009), dan memberikan kemudahan untuk akses kecemasan seperti kebakaran. Walau bagaimanapun, perkara ini dilihat menimbulkan tanggapan tentang perasaan rasa selamat dan kebimbangan daripada ancaman jenayah kerana ketiadaan elemen pagaran yang memberikan kemudahan kepada pelaku jenayah untuk masuk ke dalam ruang halaman rumah. Oleh itu, adalah mempunyai keperluan untuk menjalankan kajian di kawasan kediaman yang mempunyai elemen pagaran dan yang tidak mempunyai elemen pagaran bagi mengenalpasti perasaan ingin rasa selamat, kebimbangan terhadap jenayah dan hubungan komuniti dengan PJMRP.

Justeru, tesis ini dirangka ke arah untuk meneliti isu-isu tersebut dan mencadangkan model perhubungan antara variabel utama kajian ini, iaitu kebimbangan terhadap jenayah dengan variabel-variabel kajian ini, iaitu Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP) dari aspek amalan dan persepsi, perasaan ingin rasa selamat dan hubungan komuniti untuk diuji secara serentak terutama dalam konteks negara Malaysia.

1.3 Tujuan dan Objektif Kajian

Penyelidikan ini bertujuan untuk memeriksa Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP) dari aspek persepsi dan amalan penduduk dengan hubungan komuniti, perasaan ingin rasa selamat dan kebimbangan terhadap jenayah di kawasan kediaman. Lebih spesifik lagi objektif kajian ini adalah untuk:

1. Membuat perbandingan karakteristik demografi responden terhadap amalan dan persepsi terhadap elemen-elemen Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP), kebimbangan terhadap jenayah, hubungan komuniti dan perasaan ingin rasa selamat.
2. Membuat perbandingan kediaman individu berpagar dengan kediaman individu tidak berpagar terhadap amalan dan persepsi responden ke atas elemen-elemen Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP), kebimbangan terhadap jenayah, hubungan komuniti dan perasaan ingin rasa selamat.
3. Mengkaji bagaimana perhubungan Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP) dengan hubungan komuniti, perasaan ingin rasa selamat dan kebimbangan terhadap jenayah.

4. Mengkaji bagaimana pengaruh antara Persepsi Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP) dengan Amalan PJMRP, hubungan komuniti, perasaan ingin rasa selamat dan kebimbangan terhadap jenayah.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, empat soalan kajian telah direka bentuk untuk memastikan objektif kajian dicapai seperti berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan karakteristik demografi responden terhadap amalan dan persepsi terhadap elemen-elemen Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP), kebimbangan terhadap jenayah, hubungan komuniti dan perasaan ingin rasa selamat?.
2. Apakah perbezaan antara kediaman individu berpagar dengan kediaman individu tidak berpagar terhadap amalan dan persepsi responden ke atas elemen-elemen Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP), kebimbangan terhadap jenayah, hubungan komuniti dan perasaan ingin rasa selamat?.
3. Apakah perhubungan antara Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP) dengan hubungan komuniti, perasaan ingin rasa selamat dan kebimbangan terhadap jenayah?.
4. Bagaimanakah dan adakah terdapat pengaruh secara langsung dan tidak langsung antara Persepsi Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (PJMRP) dengan Amalan PJMRP, hubungan komuniti, perasaan ingin rasa selamat dan kebimbangan terhadap jenayah?.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya menumpukan ke atas kediaman teres dua tingkat yang mempunyai elemen pagaran dan tidak mempunyai elemen pagaran. Perkara ini adalah berdasarkan pada permintaan jenis kediaman rumah teres yang mempunyai permintaan yang paling tinggi, iaitu 36.5 peratus berbanding dengan jenis kediaman yang lain (Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, 2010). Dalam kategori rumah teres pula, permintaan yang tinggi adalah didapati ke atas jenis kediaman rumah teres 2 tingkat diikuti dengan rumah teres setingkat (Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, 2010). Hal ini kerana, rumah teres adalah dikategorikan dalam rumah mampu milik yang kebanyakannya dimiliki oleh penduduk yang mempunyai kadar pendapatan sederhana tinggi, iaitu antara RM3000 hingga RM5000 (JPBD, 2009; Putrajaya, 2009). Penumpuan skop kajian ke atas penduduk yang mempunyai kadar pendapatan sederhana tinggi juga adalah berdasarkan tanggapan bahawa, penduduk yang mempunyai kadar pendapatan lebih tinggi adalah mempunyai kemampuan untuk menyediakan sistem keselamatan dan kawalan keselamatan di kawasan kediaman. Sementara itu, faktor-faktor persekitaran yang sama dalam tapak kajian, seperti reka bentuk susun atur kawasan perumahan dan reka bentuk laluan adalah tidak diambil kira dalam kajian ini.

1.6 Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai limitasi di dalam membuat pemilihan kawasan tapak kajian. Dalam membuat kajian perbandingan, lokasi yang berhampiran adalah penting untuk memastikan tiada perbezaan ke atas faktor-faktor yang boleh mempengaruhi variabel-variabel kajian. Namun, perkara tersebut merupakan limitasi dalam kajian ini untuk mengkaji perbandingan antara kawasan kediaman individu berpagar dan tidak

berpagar. Di Malaysia, untuk mendapatkan jenis kediaman individu berpagar dan tidak berpagar dalam sebuah kawasan perumahan yang sama adalah amat terhad. Oleh itu, perbandingan antara dua buah kawasan kediaman dilakukan di dua buah lokasi yang berbeza, iaitu kawasan kediaman individu tidak berpagar di Putrajaya dan kediaman individu berpagar di Bandar Baru Bangi, Selangor. Walau bagaimanapun, jarak antara kedua-dua buah kawasan adalah diambil kira, iaitu antara 0 hingga 100 kilometer seperti yang dicadangkan oleh Fritzson (2001). Menurut Fritzson (2001), pelaku jenayah akan memilih kawasan sasaran jenayah yang mempunyai jarak antara 0 hingga 100 kilometer dengan kawasan kediamannya. Selain itu, ciri-ciri karakteristik yang sama diambil kira dalam membuat pemilihan kawasan kajian iaitu: (a) peratusan etnik yang mendiami kawasan perumahan adalah sama; (b) rumah teres dua tingkat dan; (c) saiz lot tanah kawasan kediaman adalah sama.

1.7 Pemilihan Kawasan Kajian

Dalam membuat pemilihan kawasan kajian, kawasan kediaman individu tidak berpagar adalah dilakukan terlebih dahulu. Perkara ini disebabkan oleh kawasan perumahan di Malaysia yang mempunyai kediaman individu tidak berpagar adalah terhad dan salah satu kawasan perumahan yang mempunyai kediaman individu tidak berpagar terdapat di Putrajaya. Bagi memilih kawasan kediaman individu berpagar pula, pemilihan kawasan kajian adalah berdasarkan data statistik jenayah pecah rumah pada tahun 2006 hingga 2007 di Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Statistik ini digunakan kerana, penyelidikan ini adalah melibatkan kebimbangan terhadap jenayah di kawasan kediaman.

Jadual 1.1

Kadar Jenayah Indeks Pecah Rumah Bagi Seluruh Negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia dari Tahun 2006 hingga 2007

Negeri	Kadar jenayah pecah rumah 2006	Kadar jenayah pecah rumah 2007
Perlis	0.123	0.091
Kedah	0.399	0.596
Pulau Pinang	0.415	0.515
Perak	0.400	0.383
Selangor	0.727 (2)	0.944 (2)
Negeri Sembilan	0.684 (3)	0.691
Melaka	0.612	0.569
Johor	0.496	0.459
Kelantan	0.399	0.510
Terengganu	0.678	0.789 (3)
Pahang	0.484	0.505
Sabah	0.284	0.348
Sarawak	0.354	0.468
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	0.940 (1)	1.084 (1)
Wilayah Persekutuan Putrajaya	0.093	0.086

Nota: Nombor (1),(2) dan (3) adalah mewakili turutan tahap kadar jenayah paling tinggi, sederhana dan rendah

Sumber: PDRM, 2008

Jadual 1.1 menunjukkan kadar jenayah pecah rumah pada tahun 2006 dan 2007 di 13 buah negeri dan 2 buah Wilayah Persekutuan. Di antara 13 buah negeri tersebut, didapati empat buah negeri mempunyai kadar jenayah pecah rumah yang tinggi, iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu. Penandaan (1), (2) dan (3) adalah merupakan kategori turutan kadar jenayah yang diberikan pada negeri yang mempunyai kadar jenayah pecah rumah yang tinggi. Dalam tempoh 2 tahun (2006 hingga 2007), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur didapati mempunyai kadar jenayah pecah rumah yang paling tinggi (tahun 2006: 0.94 peratus, tahun 2007: 1.08 peratus) berbanding dengan negeri Selangor (tahun 2006: 0.72 peratus, tahun 2007: 0.94 peratus). Manakala Negeri Sembilan mempunyai kadar jenayah pecah rumah ketiga tinggi (0.68 peratus) pada tahun 2006, sementara itu, negeri Terengganu mempunyai kadar jenayah pecah rumah ketiga tinggi (0.78 peratus) pada tahun 2007.

Perlakuan jenayah pecah rumah ini dibahagikan kepada dua, iaitu jenayah pecah rumah siang hari dan jenayah pecah rumah malam hari. Menurut Clontz (1995), perlakuan jenayah di waktu siang adalah dipengaruhi oleh kekurangan pengawasan yang disebabkan oleh penduduk keluar bekerja. Hal tersebut memberikan peluang kepada penjenayah untuk pecah masuk ke dalam rumah. Manakala, kejadian jenayah di waktu malam adalah dipengaruhi oleh persekitaran yang gelap kerana keadaan tersebut membataskan penglihatan untuk melakukan pengawasan yang secara tidak langsung memberikan peluang kepada penjenayah untuk bertindak (Brantingham & Brantingham, 1993).

Antara keempat-empat buah negeri tersebut, negeri Selangor telah dipilih sebagai kawasan kajian dalam pemilihan kawasan jenis kediaman individu berpagar. Perkara ini adalah berdasarkan jarak kedudukan Putrajaya adalah lebih dekat dengan negeri Selangor iaitu 15 kilometer berbanding dengan jarak antara Putrajaya dengan Kuala Lumpur iaitu 25 kilometer. Selain itu, berdasarkan ciri-ciri karakteristik pemilihan kawasan kajian terutamanya dari aspek demografi, iaitu peratusan etnik yang mendiami kawasan perumahan adalah mempunyai persamaan; di mana etnik yang mendominasi menduduki kawasan perumahan di Putrajaya adalah bumiputera iaitu 95.5 peratus (Putrajaya, 2009). Manakala di kawasan Bandar Baru Bangi juga didominasi oleh kaum bumiputera iaitu 61 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2001).

1.8 Kepentingan Penyelidikan

Kepentingan kajian ini dibahagikan kepada dua aspek, iaitu aspek penambahan ilmunan dalam bidang jenayah-persekitaran dan juga kepada pihak